

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 52)**

3 NOV 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan masalah kekurangan peralatan radiologi perubatan di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan dan cara – cara penyelesaian masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Radiologi amatlah diperlukan bagi membantu dalam membuat suatu diagnosis. Hospital Dutchess of Kent, Sandakan merupakan sebuah hospital pakar major 400 buah katil yang menyediakan perkhidmatan 12 kepakaran residen. Terdapat tiga (3) orang Pakar Radiologi yang berkhidmat di hospital ini. Sebagai sebuah hospital pakar major, hospital ini telah dilengkapi dengan sebuah mesin CT scan yang telah diperolehi pada tahun 2005, sebuah mesin *general xray* (2010) dan dua (2) buah mesin ultrasound (2008 / 2015). Mesin fluoroskopi sedia ada kini dalam proses pelupusan.

Untuk tahun 2016, perolehan sebuah unit *general xray* dan satu unit *multiloader CR* untuk kegunaan Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Dutchess of Kent, Sandakan kini dalam proses tender. Mesin-mesin radiologi sedia ada dan perolehan peralatan pada tahun ini adalah mencukupi bagi menampung beban kerja di hospital ini.

Pihak kementerian kini dalam perancangan penggantian sebuah unit CT scan, mesin fluoroskopi dan digital mammografi untuk kegunaan Jabatan Pengimejan Diagnostik hospital ini.

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH: 3 NOVEMBER 2016

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik tenaga kerja mengikut kemahiran di negara ini dan menjelaskan perancangan dan usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah tenaga mahir.

PR-1343-L76258

Tuan Yang Dipertua,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 35 peratus daripada tenaga kerja menjelang tahun 2020 adalah pekerja mahir. Daripada jumlah tersebut, 28 peratus pekerja mahir telah dicapai pada tahun 2015. Sehingga September 2016, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mentauliahkan sejumlah 1,195 pusat bertauliah yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia

(SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang merangkumi 6,020 program latihan kemahiran di seluruh Malaysia bagi mencapai tujuan tersebut.

2. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), pengambilan pelatih setiap tahun disasarkan meningkat kepada 225,000 orang secara berperingkat menjelang tahun 2020. Kerajaan melalui institusi TVET awam dan swasta, membuka luas peluang latihan kemahiran kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan status sosioekonomi. KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sehingga September 2016 telah mentauliahkan sejumlah 6,020 program latihan kemahiran yang dilaksanakan di 541 Pusat Bertauliah awam dan 654 Pusat Bertauliah swasta seluruh Negara. Program-program yang dijalankan memberi peluang Persijilan Kemahiran Malaysia kepada seluruh rakyat Malaysia berpandukan 1,683 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) di bawah 29 sektor pekerjaan.

3. Dari aspek mengeluarkan tenaga mahir, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) turut menyediakan tiga (3) program Persijilan Kemahiran Malaysia yang boleh disertai orang ramai. Pertama, mereka boleh memilih untuk menyertai program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah awam dan swasta. Kedua, mereka boleh mempersijilkan pengalaman kerja yang mereka miliki melalui program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan yang ketiga, mereka boleh menyertai program SLDN yang menjalankan latihan 70% dalam syarikat di industri dan 30% di

institusi TVET. Sehingga September 2016, JPK telah mempersiapkan lebih 1.5 juta pelatih melalui ketiga-tiga program yang dijalankan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Objektif *SkillsMalaysia* adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peluang kerjaya yang terbuka luas bagi mereka yang mendapat latihan kemahiran. Bagi mencapai objektif ini, pelbagai perancangan terus dilaksanakan, antaranya mengadakan kempen dan *roadshows* di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak supaya semua lapisan masyarakat mengetahui tentang keperluan dan permintaan kepada tenaga kerja berkemahiran.

5. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) mempunyai tiga puluh dua (32) ILJTM yang beroperasi di seluruh negara yang terdiri daripada 1 JMTI, 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP). Pengambilan pelajar dibuat dua kali setahun iaitu pada Januari dan Julai. Pengambilan pelajar bagi tahun 2016 adalah seramai 8554 pelatih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
TARIKH : 3.11.2016
SOALAN : NO. 11

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian terhadap universiti awam dalam membantu golongan pelajar yang tidak berkemampuan bagi meringankan beban kos yuran kemasukan dan pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban pelajar seperti Baucar Buku 1Malaysia, Kad Siswa, zakat, tabung kebajikan, biasiswa dan pinjaman. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menyediakan 18 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran kepada pelajar-pelajar yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Di samping itu, pihak Universiti Awam (UA) ada menyediakan bantuan seperti Bantuan Sara Hidup, Tabung Wang Ehsan, Insurans Berkelompok Pelajar Tempatan dan sumbangan derma kepada pelajar. Program-program pengagihan makanan percuma atau *suspended meals* oleh pelajar, persatuan, kolej kediaman dan fakulti seperti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaysia Pahang. Menu bajet seperti di USIM, kupon makanan seperti di Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Kelantan dan *Mahabbah Food Programme* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sepanjang tahun 2015, antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk membantu pelajar yang memerlukan bantuan bersifat perlindungan adalah:

(i) Seramai 31,776 mahasiswa telah menerima bantuan kebajikan termasuk bantuan kewangan untuk pelajar miskin, khairat dan lain-lain seperti pembayaran yuran pengajian, yuran hospital dan perubatan, serta bantuan kewangan disebabkan ahli keluarga yang meninggal dunia;

(ii) Setiap UA juga menyediakan tabung kebajikan dan staf universiti menyumbang gaji mereka untuk kebajikan mahasiswa melalui pemotongan gaji atau derma kebajikan; dan

(iv) Secara keseluruhannya, Tabung Kebajikan Mahasiswa seluruh Universiti Awam berjumlah sebanyak RM15,279,291.84 dengan RM5,228,353.50 dibelanja pada tahun 2015.

Pelajar-pelajar ini berpeluang untuk menjana pendapatan sendiri kerana premis-premis yang beroperasi di UA turut menawarkan peluang pekerjaan secara sambilan kepada pelajar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 6,813 orang pelajar telah bekerja sambilan/sementara dalam kampus untuk menampung kos sara hidup serta menimba pengalaman pekerjaan pada tahun lalu.

Kebajikan dan hal ehwal pelajar UA juga dipantau melalui pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni). Walau bagaimanapun, pelajar boleh membuat laporan atau permohonan secara terus kepada pejabat TNC (HEPA) untuk mendapatkan bantuan.

Disamping itu, Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP), PTPTN turut ditawarkan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia bagi meringankan beban dan sebagai persediaan memasuki UA. Selain itu, beberapa UA juga mempunyai dana endowmen dan waqaf yang digunakan untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan.

Kadar yuran yang dikenakan adalah tidak membebankan pelajar kerana Kerajaan telah memberikan subsidi lebih 90% ke atas yuran pengajian di UA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah tentangan terhadap anti-mikrob (*anti-microbial resistance*).

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah pengawalan *antimicrobial resistance* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bermula sejak tahun 1990-an dengan pembentukan Garis Panduan Antibiotik Kebangsaan pada tahun 1998 dan pelaksanaan *National Surveillance on Antibiotic Resistance* pada tahun 1999.

Untuk mengetahui kaitan penggunaan antibiotik dan kejadian *antimicrobial resistance* KKM juga telah memulakan *National Surveillance on Antibiotic Utilisation* pada 2001 yang melibatkan hospital KKM, hospital universiti, hospital swasta dan hospital angkatan tentera.

Program *antimicrobial stewardship* atau pengawasan pemberian antibiotik yang menasaskan para doktor dan pegawai farmasi pula telah dijalankan di hospital-hospital dan klinik kesihatan agar antibiotik diberi kepada pesakit mengikut indikasi, dos dan tempoh yang sepatutnya.

Oleh kerana peranan anggota kesihatan dan orang awam amat penting dalam memastikan penggunaan antibiotik yang betul, program pendidikan awam telah diwujudkan. Bermula pada tahun 2011 kempen kebangsaan pengawalan *antimicrobial resistance* telah dilaksanakan melalui pelbagai media iaitu media elektronik (akhbar dan radio), media sosial (*Face Book, You Tube, Instagram dan Whatsapp*) serta media cetak seperti surat khabar, risalah, poster, majalah dan buletin kesihatan.

Inisiatif ini telah dipergiatkan lagi pada tahun lepas melalui kempen **Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia**, yang melibatkan KKM dan sektor kesihatan swasta serta universiti. Sambutan Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia tahun ini akan diadakan pada 14-20 November dan turut melibatkan sektor kesihatan haiwan kerana *antimicrobial resistance* juga boleh disebabkan oleh rantaian makanan daripada haiwan ternakan yang mengandungi tahap antibiotik yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM juga menjalankan penguatkuasaan terhadap penjualan antibiotik tanpa preskripsi di farmasi-farmasi swasta serta pemantauan penjualan ubat-ubatan tidak berdaftar.

KKM juga sedang menerajui penubuhan *National Antimicrobial Resistance Committee* dengan penglibatan pelbagai agensi bertujuan membincangkan tindakan dan polisi yang perlu disediakan bagi memerangi *antimicrobial resistance*. Pelan Tindakan Kebangsaan Menangani Antimicrobial Resistance sedang dalam pembentukan dan dijangkakan untuk diimplementasi pada Januari 2017. Ia melibatkan kerjasama semua pihak iaitu kerajaan, sektor kesihatan swasta dan awam, agensi yang terlibat dengan haiwan ternakan dan perikanan, anggota kesihatan dan juga orang awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA

TARIKH : 3.11.2016

SOALAN : NO. 13

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam penyediaan kemudahan pinjaman seperti pinjaman PTPTN kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi sememangnya menyediakan penajaan ke luar negara khusus kepada kakitangan akademik di Universiti Awam (UA) bagi melanjutkan pengajian peringkat pasca siswazah. Penajaan ini diberikan di bawah Program Skim Latihan Akademik IPTA dan Sub Kepakaran/Pasca Kedoktoran yang bertujuan meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan di IPTA melalui pewujudan tenaga pengajar berkualiti.

Bagi pensyarah di Politeknik/Kolej Komuniti, penajaan ke luar negara disediakan di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Advanced Diploma/Professional Certificates Bagi PPPT. Manakala, bagi kakitangan bukan akademik di UA, penajaan luar negara disediakan di bawah program HLP bagi kakitangan bukan akademik IPTA.

Buat masa ini, fokus pinjaman yang ditawarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah untuk pendidikan dalam negara sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 14

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu dan/atau sedang diambil untuk mendakwa pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas penembakan jatuh pesawat awam MH17 memandangkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh *Dutch led – Joint Investigation Team (JIT)*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun laporan interim siasatan jenayah nahas pesawat MH17 yang dikeluarkan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) pada 28 September 2016 telah membuat kesimpulan bahawa pesawat MH17 telah ditembak oleh peluru BUK yang dibawa masuk ke zon konflik di Ukraine dari Rusia dan dibawa kembali ke Rusia, namun hasil interim siasatan jenayah tersebut tidak menyalahkan mana-mana negara yang bertanggungjawab dalam menembak jatuh pesawat MH17.

Dalam hubungan ini, pihak JIT akan meneruskan siasatan jenayah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah undang-undang untuk mencapai keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama.

Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang meneruskan perbincangan bagi 2 opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT dan pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT. Walau bagaimanapun, keputusan antara kedua-dua opsyen tersebut adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah kelak.